

Gaya Pembelajaran Pelajar Semester Pendek 2014 Untuk Topik "Capital Allowance" Kursus PA502 Taxation 1

Nurul Farhana Emran ^{1,a} , Haryati Hamid ^{2,b}

^{1,2} Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Kulim, Kedah

^afarhana@ptsb.edu.my, ^bharyati@ptsb.edu.my

Abstrak. Gaya pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar. Di politeknik semester pendek diadakan untuk memberi peluang dan kesempatan yang lebih luas kepada pelajar untuk memperbaiki prestasi pembelajaran atau mempercepatkan masa pengajian mereka. Justeru, gaya pembelajaran digunakan untuk mengukur kemampuan pelajar belajar dalam tempoh masa singkat yang sinonim dengan semester pendek. Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan antara gaya pembelajaran pelajar Semester Pendek 2014 di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) untuk Topik "Capital Allowance" bagi kursus PA502 Taxation 1 berdasarkan Teori Dunn dan Dunn. Kajian ini menggunakan soal selidik ke atas sembilan orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Akauntansi. Analisis korelasi digunakan untuk menjawab objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar dengan keputusan markah kuiz yang diperolehi. Menerusi kajian ini juga, telah menunjukkan bahawa pelajar mengamalkan kelima-lima gaya pembelajaran tersebut pada tahap yang sederhana.

Kata kunci : Gaya Pembelajaran, Semester Pendek, Capital Allowance, Teori Dunn dan Dunn

Pengenalan

Pelajar merupakan tonggak dalam pembangunan sesuatu Institusi Pengajian Tinggi. Di politeknik semester pendek diadakan untuk memberi peluang dan kesempatan yang lebih luas kepada pelajar untuk memperbaiki prestasi pembelajaran atau mempercepatkan masa pengajian mereka. Justeru, gaya pembelajaran adalah penting untuk mengukur kemampuan penerimaan pelajar belajar dalam masa yang singkat seiring dengan pembelajaran pada semester pendek. Teori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn digunakan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar semester pendek.

Semester pendek dilaksanakan dalam tempoh enam minggu di politeknik. Para pelajar yang mendaftar kursus PA502 Taxation 1 perlu belajar dalam tempoh masa yang singkat. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri, bakat dan potensi yang berbeza di dalam proses pembelajaran. Ini kerana tahap penerimaan dan kecerdasan mereka adalah berbeza. Permasalahan yang berlaku adalah sama ada gaya pembelajaran pelajar mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik atau sebaliknya [1].

Oleh itu, para pelajar perlu memilih gaya pembelajaran yang sesuai untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam kursus ini kerana gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian mereka. Menurut [2], pendidik, pelajar dan ibu bapa perlu memahami gaya pembelajaran pelajar dan menganggap perbezaan pada diri setiap pelajar merupakan satu keistimewaan yang boleh digunapakai oleh pelajar secara berkesan dalam pembelajaran mereka.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Semester Pendek 2014 di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah

Bahiyah (PTSB) sama ada mempunyai hubungan atau tidak dengan keputusan markah kuiz untuk Topik “Capital Allowance” bagi kursus PA502 Taxation 1.

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menentukan gaya pembelajaran pelajar semester pendek dan mengenalpasti hubungan gaya pembelajaran pelajar dengan keputusan markah kuiz untuk Topik “Capital Allowance” bagi kursus PA502 Taxation 1.

Sorotan Kajian Gaya Pembelajaran

Para pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan berbeza-beza antara satu sama lain. Di mana, gaya pembelajaran tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan kecerdasan atau kemahiran yang telah dipelajari oleh pelajar. Sebaliknya, gaya pembelajaran merupakan cara bagaimana seseorang itu belajar [3]. Menurut [4] gaya pembelajaran merujuk kepada perbezaan cara-cara individu belajar mengikut kesesuaian mereka walaupun terdapat pelbagai kaedah pembelajaran. Pembelajaran sebenarnya tiada hubungan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula apa yang telah dipelajari. Sebaliknya pembelajaran berkaitan dengan kefahaman prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan kepada situasi dunia sebenar.

Masalah pembelajaran pelajar di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam adalah disebabkan mereka tidak mengetahui teknik pembelajaran yang betul dan berkesan [4]. Kemerosotan pencapaian akademik pelajar di institut pengajian tinggi disebabkan kegagalan penyesuaian diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran serta gaya pembelajaran yang tidak sesuai [5]. Justeru, para pelajar perlu mempunyai inisiatif bagi mengenali gaya pembelajaran yang sesuai dan menggunakan bahan yang boleh mengembangkan potensi dan bakat mereka supaya mencapai keputusan akademik yang cemerlang [6].

Apabila seseorang pelajar melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi, mereka bermula dari permulaan kosong tanpa mengira tahap pencapaian yang mereka capai sebelum ini [7]. Dunia pembelajaran yang akan dilalui oleh golongan mahasiswa adalah berbeza dan memerlukan persediaan, kebijaksanaan dan ketahanan mental seseorang pelajar untuk menempuhi pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkerja dalam kumpulan, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri serta etika dan integriti. Kemahiran ini perlu ada dalam diri setiap graduan kerana ia merupakan kemahiran yang bukan hanya tertumpu kepada bidang yang mereka pelajari [8]. Kemahiran ini merupakan kemahiran yang diperlukan oleh setiap pelajar di mana seseorang pelajar tersebut boleh bekerja dengan baik secara berdikari atau berkumpulan.

Kebolehan setiap individu berbeza antara satu sama lain tetapi kejayaan dan kecemerlangan dalam pembelajaran bergantung kepada usaha dan kaedah pembelajaran yang berkesan [9]. Sementara, pencapaian seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan [9]. Menurut [10], motivasi sebagai proses dalaman yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Ianya merupakan keadaan yang menggerak dan mengawal tingkahlaku ke arah pencapaian matlamat. [6] menyatakan, gaya pembelajaran pelajar mempunyai kaitan dengan kaedah pengajaran, bahan pengajaran dan pembelajaran, sikap pendidik dan keadaan persekitaran. Secara langsung, pendidik turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi pelajar. Justeru, pendidik perlu berkemahiran, berkeyakinan dan berfikiran positif dalam proses penyampaian ilmu kepada para pelajar.

Teori Gaya Pembelajaran

Teori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn ialah kaedah seseorang pelajar menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Model ini menghasilkan satu model gaya pembelajaran dan mengenalpasti lima kategori gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang individu. Model ini menekankan prinsip-prinsip berikut :

- i. Kebanyakan individu mampu dan boleh belajar
- ii. Setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu
- iii. Gaya pembelajaran individu mempunyai tindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran.

Terdapat lima faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang pelajar iaitu alam sekitar, emosi, sosial, fisiologi dan psikologi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Faktor-faktor ini dapat mempengaruhi keupayaan pelajar untuk memahami, berinteraksi dan bertindak balas terhadap persekitarannya.

Jadual 1 : Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn

Stimulus	Unsur	Ciri-ciri
1. Alam Sekitar	Bunyi	Suka belajar tanpa bising atau dengan mendengar muzik.
	Cahaya	Suka belajar di tempat yang cerah atau di tempat yang kurang cahaya.
	Suhu	Suka belajar di tempat yang sejuk atau panas.
	Pola	Suka belajar di tempat formal yang ada kerusi dan meja atau di tempat tidak formal seperti berbaring atau duduk di atas lantai.
2. Emosi	Motivasi	Boleh merangsang diri untuk belajar atau perlu dirangsang oleh guru.
	Ketabahan	Boleh belajar dalam jangka masa yang pendek atau panjang.
	Tanggungjawab	Bertanggungjawab untuk belajar atau perlu bimbingan oleh guru.
	Struktur	Suka belajar mengikut jadual waktu atau suka belajar sekiranya lebih masa diberi untuk sesuatu mata pelajaran atau perkara.
3. Sosiologi	Sendiri	Suka belajar secara sendirian.
	Pasangan	Suka belajar secara pasangan.
	Rakan sebaya	Suka belajar dengan rakan sebaya.
	Pasukan	Suka belajar dalam pasukan.
	Guru	Suka belajar dengan bimbingan guru
4. Fizikal	Pelbagai cara	Dapat belajar dengan mana-mana cara yang tersebut di atas.
	Persepsi	Suka belajar dengan benda/perkara maujud atau abstrak atau melalui pengalaman.
	Makan	Suka atau tidak suka makan dan minum semasa belajar.
	Waktu	Suka belajar sesuatu mata pelajaran pada waktu yang sesuai atau pada bila-bila masa.
5. Psikologi	Gerakan	Suka atau tidak suka bergerak semasa belajar.
	<i>Global</i> atau Analitik	Pelajar <i>global</i> suka belajar secara menyeluruh; pelajar analitik suka belajar mengikut urutan dan membuat analisis.
	Otak Kiri atau Otak Kanan	Pelajar yang memproses maklumat menggunakan otak kiri suka belajar bahagian-bahagian bahasa, dan membuat pengiraan dan analisis;

Stimulus	Unsur	Ciri-ciri
		Pelajar yang memproses maklumat menggunakan otak kanan suka belajar secara keseluruhan, membuat sintesis, melukis, membuat gerakan dan mencipta sesuatu.
	Impulsif atau Reflektif	Pelajar yang impulsif bertindak secara spontan manakala pelajar yang reflektif berfikir sebelum bertindak.

Faktor alam sekitar merujuk kepada elemen cahaya, bunyi, suhu dan pola atau reka bentuk tempat belajar. Reaksi pelajar kepada rangsangan ini ditentukan oleh faktor biologi. Oleh itu, faktor alam sekitar tidak dapat mengubah pendengaran, penglihatan, suhu dan sensitiviti badan.

Faktor emosi berkait rapat dengan perasaan jiwa seseorang. Unsur emosi berkait rapat dengan motivasi, keazaman, sikap tanggungjawab dan struktur [11]. Menurut [12], ketidakstabilan emosi berlaku akibat kegagalan seseorang pelajar untuk mengendalikan sikap positif terhadap sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya. Pelajar yang memiliki ciri-ciri ekstrisik cenderung untuk mendapat ganjaran seperti hadiah dan sijil sebagai dorongan. Manakala pelajar yang mempunyai ciri-ciri intrinsik seperti minat, emosi dan sikap. Sebaliknya, emosi pelajar dapat digambarkan berdasarkan ekspresi wajah, tingkah laku serta kecenderungan gaya berfikir [13]. Motivasi yang tinggi biasanya lahir dari dalam diri pelajar itu sendiri [16].

Manakala faktor sosiologi berkait rapat dengan kesediaan pelajar untuk menerima pendidikan. Faktor ini mempengaruhi corak pembelajaran pelajar itu sendiri serta membantu pelajar belajar daripada maklumat yang diperolehi daripada pengalaman tersebut. Pelajar sendiri lebih gemar belajar secara bersendirian kerana tidak suka berbual atau diganggu oleh orang lain. Sebaliknya pelajar yang suka belajar secara berkumpulan akan belajar secara sumbangsaran, perbincangan dan perkongsian idea.

Faktor fizikal merangkumi unsur persepsi, pemakanan, masa belajar dan mobiliti atau pergerakan. Persekitaran fizikal yang kondusif turut mengambilkira peranan pensyarah untuk mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam menghasilkan pelajar yang mampu melakukan inovasi untuk berfikir secara kreatif [14]. Justeru, kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi dan selesa diperlukan supaya pelajar dapat belajar dalam persekitaran yang kondusif.

Faktor terakhir merupakan faktor psikologi yang merangkumi unsur analitikal atau global, gerak hati, refleksi dan pemrosesan otak kiri atau otak kanan. Otak kanan adalah untuk pembelajaran holistik, subjektif, kreatif dan berbentuk naluri manakala otak kiri melakukan pembelajaran objektif dan akademik. Justeru, pembelajaran berlaku apabila rangsangan yang diberikan diproses oleh otak seseorang untuk ditukarkan menjadi pengalaman yang akan digunakan untuk sesuatu gerak balas, tingkah laku atau tindakan .

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) Kulim, Kedah. Sampel terdiri daripada pelajar Diploma Akauntansi (DAT) yang mengambil Semester Pendek 2014 iaitu seramai sembilan orang. Kajian dijalankan menerusi soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan Teori Dunn & Dunn.

Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Untuk mendapatkan keberkesanan hasil dapatan, skala likert empat mata digunakan bagi mengukur lima kategori gaya pembelajaran. Soal selidik dapat meningkatkan ketepatan yang diberikan oleh responden kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik [15].

Soal selidik ini mengandungi 34 soalan. Lapan daripada soalan tersebut adalah berkaitan dengan gaya pembelajaran alam sekitar, lapan soalan berkaitan emosi, lima soalan berkaitan sosiologi dan lapan soalan berkaitan fizikal. Manakala lima soalan lagi adalah berkaitan gaya


pembelajaran psikologi. Responden bakal memberikan jawapan berdasarkan soalan yang diajukan secara jujur [16].

Bagi tujuan kajian ini, sebanyak dua hipotesis telah dibentuk. Hipotesis – hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

Hipotesis 1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar dengan markah kuiz yang diperolehi.

Hipotesis 2 Terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar dengan markah kuiz yang diperolehi.

Rajah 1 memaparkan secara ringkas rekabentuk kajian yang dijalankan.



Rajah 1 : Rekabentuk Kajian

Analisis deskriptif (min) dibangunkan untuk melihat gaya pembelajaran yang lebih cenderung digunakan pelajar semasa semester pendek. Jika min yang diperolehi adalah tiga dan ke atas, ini bermakna pelajar tersebut lebih suka mengamalkan sesuatu gaya pembelajaran tersebut dan sebaliknya.

Bagi menguji pembolehubah faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar dengan keputusan markah kuiz yang diperolehi, korelasi pearson digunakan. Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan Statistitcal Package Social Science (SPSS 20.0) untuk mendapatkan hasil yang lebih tepat.

Analisa Dan Hasil Dapatan

Penyelidik mendapati bahawa semua responden adalah perempuan, berbangsa Melayu serta terdiri daripada pelajar semester tiga. Daripada analisis min, didapati bahawa responden mengamalkan kelima-lima gaya pembelajaran tersebut pada tahap yang sederhana serta tidak terlalu fokus pada mana-mana faktor. Ini adalah kerana hasil min yang bernilai dua serta tidak mencapai tiga. Ini disebabkan oleh sesi pembelajaran yang pendek menyebabkan responden perlu belajar secara pantas serta tidak boleh terikat dengan hanya satu kaedah pembelajaran.

Analisis min di Jadual 2 menunjukkan gaya pembelajaran yang paling utama diamalkan oleh pelajar-pelajar ialah gaya pembelajaran emosi di mana purata skor min keseluruhan bagi gaya ini berada pada tahap paling tinggi berbanding yang lain iaitu 2.81. Ini diikuti dengan gaya pembelajaran alam sekitar (skor min 2.61), gaya pembelajaran sosiologi (skor min 2.60), gaya pembelajaran psikologi (skor min 2.53) dan seterusnya gaya pembelajaran fizikal (skor min 2.49).

Emosi saling berkait rapat dengan perasaan dan jiwa seseorang. Antara ciri-ciri pelajar yang menekankan aspek emosi dalam gaya pembelajaran adalah pelajar yang bermotivasi tinggi untuk belajar. Oleh yang demikian mereka akan belajar atas kemahuan dan dorongan dalam diri sendiri.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa gaya pembelajaran yang berkait rapat dalam merangsang motivasi pelajar dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik

Jadual 2 : Analisis Min

		Alam sekitar	Emosi	Sosiologi	Fizikal	Psiko
N	Valid	9	9	9	9	9
	Missing	0	0	0	0	0
Mean		2.6111	2.8056	2.6000	2.4861	2.5333
Std. Deviation		.14583	.30046	.40000	.14583	.17321

Jadual 3 pula menunjukkan korelasi *Pearson* untuk menguji pembolehubah gaya pembelajaran dengan markah kuiz yang diperolehi. Analisis menunjukkan tiada hubungan signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar dengan keputusan markah kuiz yang diperolehi. Ini bermaksud tinggi atau rendah pencapaian pelajar bergantung pada usaha mereka, bukan tertakluk pada mana-mana gaya pembelajaran berdasarkan Teori Dunn & Dunn.

Oleh kerana nilai P melebihi 0.05, maka tiada hubungan signifikan antara gaya pembelajaran pelajar bagi topik “Capital Allowance” dengan markah kuiz yang diperolehi berdasarkan Teori Dunn & Dunn.

Jadual 3 : Korelasi Pearson

		MARKAH	alamsekitar	emosi	sosiologi	fizikal	psiko
MARKAH	Pearson Correlation	1	.155	-.102	.079	-.152	.064
	Sig. (2-tailed)		.690	.794	.839	.696	.870
	N	9	9	9	9	9	9
alamsekitar	Pearson Correlation	.155	1	-.025	.214	-.194	.454
	Sig. (2-tailed)	.690		.950	.580	.617	.220
	N	9	9	9	9	9	9
emosi	Pearson Correlation	-.102	-.025	1	.000	.243	.020
	Sig. (2-tailed)	.794	.950		1.000	.529	.959
	N	9	9	9	9	9	9
sosiologi	Pearson Correlation	.079	.214	.000	1	-.696*	-.577
	Sig. (2-tailed)	.839	.580	1.000		.037	.104
	N	9	9	9	9	9	9
fizikal	Pearson Correlation	-.152	-.194	.243	-.696*	1	.454
	Sig. (2-tailed)	.696	.617	.529	.037		.220
	N	9	9	9	9	9	9
psiko	Pearson Correlation	.064	.454	.020	-.577	.454	1
	Sig. (2-tailed)	.870	.220	.959	.104	.220	
	N	9	9	9	9	9	9

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi melihat pada gaya pembelajaran pelajar terutamanya pada semester pendek. Ini penting bagi membantu pensyarah dalam mengenalpasti potensi para pelajar masing-masing. Pelajar pula akan lebih bersemangat dalam pembelajaran seterusnya

meningkatkan motivasi dan potensi dalam diri mereka selaras dengan visi dan misi politeknik. Pendekatan pembelajaran pelajar juga harus diterapkan yang meliputi elemen dalam konteks pendidikan.

Secara keseluruhannya, hipotesis null diterima dan didapati bahawa tidak terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran pelajar semester pendek 2014 untuk topic “Capital Allowance” bagi kursus PA502 Taxation 1 dengan markah kuiz yang diperolehi. Ini mungkin memberi kesan pada keputusan markah kuiz mereka yang secara umumnya adalah purata.

Pengkaji telah menyenaraikan beberapa cadangan sebagai panduan untuk kajian pada masa hadapan iaitu pengambilan sampel adalah di kalangan semua pelajar semester pendek di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Di samping itu, kajian juga bakal dibuat pada pelajar semester semasa untuk menilai pencapaian mereka berbanding pelajar semester pendek.

Rujukan

- [1] Yufiza Mohd Yusof (2005). Gaya Pembelajaran dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. Kolej Matrikulasi Perak.

- [2] Zubaidah Begam Binti Mohamed Zakaria (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, UTM, Skudai, Johor*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia.
- [3] Nazamud-din Bin Alias (2005). *Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Pengajian Lepas Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang*
- [4] Ismail Zain (2001). *Pembelajaran Koperatif Memupuk Persefahaman. Jurnal Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*; Fakulti Pendidikan
- [5] Baharin Abu, (2000). Teaching Effectiveness and Staff Professional Development Programmes at a Higher Learning Institution in Malaysia. Published PhD thesis, School of Education, The University of Birmingham, UK.
- [6] Azlina Bt. Mohd. Kosnin & Bilhorn B. Defrin (2009). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Dikalangan Pelajar-Pelajar Tahun Akhir Sains Sukan, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia.
- [7] Meor Ibrahim Kamaruddin1 & Assaadah Mohamad (2011). *Kajian Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar UTM*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia. *Journal of Educational Psychology and Counseling, volume 2, Jun 2011, Pages 51-77/ ISSN: 2231-735X*
- [8] Lizzio, A. and Wilson, K. (2004). *First Year Students' Perception of Capability*. Research in Higher Education. Volume 29, Pp 109-126.
- [9] Rasidah binti Rashid (2007). Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Motivasi dalam kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah
- [10] Allyn & Bacon. (2006) "Educational Psychology: Theory and Practice". Tenth Edition.
- [11] Hairunnaja Najmuddin (2005). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. Pahang: PTS Professional Publishing
- [12] Mohamed Alfian Harris B. Omar dan Mohamed Sharif Mustaffa PhD, (2006). *Tahap Kestabilan Emosi Pelajar di Sebuah Kolej Kediaman Institusi Pengajian Tinggi Awam: Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- [13] Nurizah Salleh et.al. (2010) "Persepsi pelajar Terhadap Persekitaran Fizikal Makmal Komputer: Perbandingan Antara Dua Makmal Komputer Yang Berbeza Susun Atur". *Journal of Techno-Social*. Universiti Putra Malaysia. P59-74.
- [14] Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- [15] Faridah Mohd Ariff et all (2002). *Kajian kecenderungan mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (SHT) terhadap bidang*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- [16] Lightbown, P. M. & Spada, N. (1999). *How languages are learned*. Oxford: Oxford University Press
- [17] Dunn, R. et al. (1995). dlm. Yeh, W. P. (2004). *Learning Styles, Learner Characteristics, And Preferred Instructional Activities In Computer-Based Technical Training for Adults*. The Oklahoma State University: Ph. D. Thesis.